

Publication : **Kosmo**
Date : 15 March 2016
Section : Niaga
Page : 51
Headline : Hua Yang lancar Menara A Citywoods

Hua Yang lancar Menara A Citywoods

KUALA LUMPUR – Syarikat pemaju hartanah, Hua Yang Bhd. (Hua Yang) melancarkan Menara A iaitu menara kedua projek pangsapuri servis Citywoods yang dimilikinya di Johor Bahru, Johor.

Seperti Menara B yang dilancarkan pada September 2014 dan kini kira-kira 90 peratus terjual, Menara A menawarkan kehidupan dalam suasana bandar serba mewah dengan rekaan kontemporari.

Pengurus Cawangan Hua Yang Johor, Casey Wong berkata, dengan hanya sembilan unit di setiap tingkat berserta tiga lif, penghuni kediaman tersebut akan dapat menikmati kehidupan serba privasi dalam suasana kepadatan yang rendah.

"Selain itu, lokasinya yang terletak berhampiran dengan Singapura tu-

rut menjadi salah satu kelebihan bagi pembangunan ini kerana ia membolehkan penghuninya menikmati pemandangan luar biasa panorama Singapura dan Selat Johor dari pangsapuri masing-masing," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Projek Citywoods yang melibatkan nilai pembangunan kasar sebanyak RM216 juta, merangkumi dua menara kediaman setinggi 19 tingkat setiap satu dengan sejumlah 417 unit di atas tanah pegangan bebas seluas 0.89 hektar.

Ia terletak di kawasan strategik di Jalan Abdul Samad dengan akses ke lebuh raya utama termasuk Lebuh Raya Penyerai Timur Johor Bahru.

Pelbagai kemudahan ala resort

dengan perkhidmatan disediakan untuk para penghuni termasuk sebuah kolam infinity, jakuzi, gimnasium tertutup dan terbuka, ruang barbeku, taman permainan serta zon hiburan penghuni yang terdiri daripada ruang majlis, bilik permainan, karaoke dan sebuah bilik audio visual.

Ia turut dilengkapi kawalan keselamatan seperti rondaan 24 jam, pengawasan televisyen litar tertutup dan sistem akses kad tunggal yang canggih selain setiap unit juga dilengkapi dengan sistem interkom video dan kunci pintu digital untuk melindungi penghuni sepenuhnya.

Menara A menawarkan tiga rekaan pada harga serendah RM383,000 seunit bagi lot bumiputera dan RM446,000 seunit (lot bukan bumiputera).



MENARA A bagi projek pembangunan Citywoods di Johor Bahru menawarkan suasana hidup dalam bandar serba mewah.